

Universiti Teknologi MARA



# TAPAK HOSTING

## Dasar Pembangunan Laman Web dan Penggunaan Tapak Hosting

Pusat Sistem Maklumat Bersepadu, Tingkat 5, Bangunan SAAS,  
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Selangor D.E

08

## GARIS PANDUAN TAPAK HOSTING DAN MEMBANGUN LAMAN WEB

### 1.0 Tujuan Dasar

Dasar ini bertujuan menyelaraskan dan mengawasi pembangunan laman web yang dibangunkan oleh pengguna bersesuaian sepertimana yang di kehendaki oleh Jabatan Komunikasi Korporat UiTM

### 2.0 Skop Dasar

Skop dasar ini melibatkan semua pembangun laman web di UiTM, yang menghoskan tapak mereka di server UiTM, yang mana perkhidmatannya disediakan oleh Unit Perkhidmatan Web & Hosting, Pusat Sistem Maklumat Bersepadu.

### 3.0 Dasar Pembangunan

- a. UiTM menggalakan warga kampus terutama kakitangan Akademik membangunkan laman web mereka sendiri.
- b. Laman web hendaklah berbentuk ilmiah atau profil diri mereka sendiri atau yang seumpamanya sahaja.
- c. Pengguna perlu bertanggungjawab terhadap semua isi kandungan yang disiarkan.
- d. Keselamatan maklumat dan penyiaran adalah di bawah tanggungjawab pengguna dan perlu mengambil kira aspek keselamatan daripada pencerobohan.
- e. Pihak UiTM tidak akan bertanggungjawab terhadap kandungan dan sebarang penyalahgunaan hak cipta yang dilakukan oleh pengguna.
- f. Kandungan laman web tidak boleh mengandungi maklumat yang menyalahi undang-undang atau peraturan UiTM, negeri dan negara, termasuk (tetapi tidak terhad kepada) maklumat yang berbentuk keganasan, lucah, hasutan dan yang boleh menimbul atau membawa kepada keganasan, keruntuhan akhlak dan kebencian.
- g. Laman web berunsur politik, perniagaan dan pengiklanan adalah tidak di benarkan sama sekali
- h. Pengiklanan komersial seperti *banner*, *Adds Adsense Google* atau mana-mana yang seumpama adalah **tidak di benarkan** sama sekali di masukkan kedalam laman web pemilik.
- i. Tidak memberi atau membenarkan dengan sengaja orang perseorangan atau individu lain mengendalikan laman web peribadi di atas identiti pemilik atau beliau.
- j. Pihak PSMB tidak boleh dipersalahkan jika berlaku sebarang kerosakan atau kehilangan maklumat pada pelayan yang mana menyebabkan berlakunya kegagalan capaian maklumat.
- k. Maklumat terperingkat adalah dilarang sama sekali daripada di simpan dalam laman web.

- l. PSMB berhak dan boleh menamatkan mana-mana tapak web/akaun pengguna tanpa sebarang notis pemberitahuan.
- m. Pihak PSMB akan mengadakan siri latihan kepada pemilik laman web, namun sebarang keperluan lain seperti rekaan template, extension, plug-in serta pemasangan aplikasi adalah di atas tanggungjawab pemilik. Namun UPWH-PSMB boleh memberikan nasihat dan kaedah terbaik di dalam pembangunan laman web.

#### 4.0 Dasar Penggunaan Hos Maya ( Virtual Hosting )

- a. Setiap pengguna diberikan maksima 1000Mb (500Mb – 100Mb) ruang storan di server induk mengikut Garis Panduan Laman Web yang telah di tetapkan.
- b. Setiap pengguna bertanggungjawab terhadap penggunaan tapak yang dihoskan, khususnya terhadap maklumat yang di sebarkan secara elektronik melalui laman web mereka dan mempunyai *backup* atau salinan terhadap segala maklumat yang di hoskan.
- c. Pentadbir tapak hos berhak menyediakan polisi mereka sendiri yang tidak menghalang akses UiTMnet melainkan aspek-aspek keselamatan yang ditetapkan, tetapi tidak bercanggah dengan polisi yang dinyatakan di sini.
- d. Pengguna tidak dibenarkan merosakkan sistem komputer atau data dengan apa jua cara seperti pengedaran virus komputer, phishing pengguna dan sebagainya melalui tapak yang di hoskan.
- e. Jika di dapati bahawa sumber maklumat universiti telah disalahgunakan atau tidak mengikut polisi yang di tetapkan, PSMB boleh menghadkan atau memansuhkan akses kepada tapak hos tersebut.
- f. Pengguna juga perlu bertanggungjawab terhadap semua aplikasi yang dipasangkan pada tapak hos mereka adalah selamat di gunakan, dan memastikan semua aplikasi telah di kemaskini (*patches*) daripada masa ke semasa.
- g. PSMB berhak menambah atau mengugurkan syarat penggunaan tapak web daripada masa ke semasa mengikut keperluan semasa.

**SURAT AKU TERIMA**

Saya, ....., No. Kad Pengenalan,.....  
Beralamat, ..... Bersetuju untuk menerima pakai  
Garis Panduan Tapak Hosting dan Membangun Laman Web serta mematuhi peraturan seperti  
mana yang telah di tetapkan:

.....

( Tandatangan Pegawai )

.....

( Jawatan Pegawai )

Tarikh : \_\_\_\_\_